



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 November 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Enam kilang proses minyak pelincir tiruan digempur


AMPANG JAYA: Kegiatan licik sindiket minyak pelincir kenderaan tiruan terbongkar apabila enam kilang menghasilkan produk itu digempur pihak berkuasa di Kampung Baru Ampang, semalam.

Serbuan kira-kira pukul 10 pagi oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor bersama Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dan wakil cap dagangan, merampas minyak pelincir kenderaan tiruan pelbagai jenama bernilai RM1 juta.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd. Zuhairi Mat Radey berkata, turut ditahan 42 individu termasuk warga asing.

Mohd. Zuhairi berkata, kilang pertama berperanan membuat botol sebelum dihantar ke kilang seterusnya bagi tujuan memproses dan memasukkan minyak pelincir kenderaan tiruan.

“Botol berkenaan akan diletak pelekat atau nombor siri bagi meyakinkan pembeli atau pengguna minyak tersebut, seolah-olah baharu dan tulen,” katanya.



MOHD. ZUHAIRI menunjukkan minyak enjin tiruan siap diproses dalam serbuan di sebuah premis di Kampung Baru Ampang semalam.

Minyak enjin terpakai dijual sebagai tulen

- Pihak berkuasa tangkap 42 individu
- Sindiket aktif sejak enam bulan lalu

Oleh HARRITH HISHAM

AMPANG JAYA — Kelicikan satu sindiket yang menghasilkan minyak enjin tiruan sebelum dijual kepada pembekal dan pengguna terbongkar apabila pihak berkuasa memberkas 42 individu dalam serbuan di enam premis di Kampung Baru Ampang di sini semalam.

Kesemua suspek berusia dalam lingkungan 40-an itu diberkas pada pukul 10 pagi selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Selangor melancarkan

serbuan hasil pemantauan dan maklumat awam.

Pengarahnya, Mohd. Zuhairi Mat Radey berkata, modus operandi sindiket ialah mencampurkan minyak enjin terpakai dengan pewarna dan membotolkan semula menggunakan jenama terkenal sebelum dijual.

Katanya, siasatan mendapati keenam-enam premis tersebut mempunyai kaitan dalam satu rangkaian terancang dipercayai beroperasi sejak enam bulan lalu.

"Setiap premis ada peranan dan fungsi masing-masing. Ada yang buat botol, isi minyak ke dalam bekas serta dijadikan stor simpanan, gudang alat ganti dan pejabat pengurusan.

"Kami percaya produk ini dibekalkan kepada pemborong dan pembekal yang kemudian mungkin menjualnya kepada

pengguna," katanya.

Menurut Zuhairi, sasaran jualan untuk minyak berkenaan dipercayai untuk pasaran tempatan dan siasatan lanjut masih dijalankan.

Tambahnya, siasatan awal mendapati minyak itu diproses dari minyak enjin terpakai dan disyaki ditapis dahulu sebelum dicampur dengan pewarna.

"Sindiket mengisi minyak itu semula ke dalam botol berjenama seakan-akan produk tulen yang terdapat di pasaran," ujarnya.

Ujar Zuhairi, nilai rampasan dianggarkan sekitar RM1 juta melibatkan minyak enjin tiruan termasuk peralatan dan mesin pemrosesan dan pembungkusan.

Kes disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019.

6 kilang proses minyak hitam tiruan diserbu

AMPANG – Kegiatan satu sindiket menghasilkan minyak pelincir kenderaan tiruan berakhir selepas enam kilang diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) Selangor dengan nilai rampasan menecah RM1 juta.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, serbuan kira-kira jam 10 pagi dilaksanakan pihaknya bersama wakil cap dagangan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Susulan serbuan, KPDN merampas minyak pelincir kenderaan tiruan pelbagai jenama bernilai RM1 juta.

"Seramai 42 individu termasuk 28 warga asing ditahan kerana disyaki terlibat dalam kegiatan haram ini," katanya ketika sidang akhbar di sini pada Rabu.

Mohd Zuhairi berkata, siasatan mendapati enam premis ini terletak berdekatan antara satu sama lain dan masing-masing mempunyai fungsi berbeza dalam proses penghasilan minyak tiruan.

"Kilang pertama menghasil-

kan botol sebelum dihantar ke kilang lain untuk diproses dan diisi minyak pelincir.

"Botol ini kemudian dilekatkan pelekat dan nombor siri bagi meyakinkan pengguna kononnya produk adalah asli," katanya.

Tambah beliau, sindiket turut menggunakan satu lagi premis sebagai stor penyimpanan dan pejabat urusan mereka.

"Serbuan ini hasil risikan selama dua bulan terhadap semua premis terbabit," jelasnya.

Mohd Zuhairi berkata, modus operandi sindiket yang aktif sejak enam bulan lalu adalah menggunakan minyak pelincir terpakai disuling semula, kemudian dicampur bahan asas serta pewarna tiruan sebelum dibungkus dan dijual semula ke pasaran.

"Semua ditahan disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019," katanya.

Menurutnya, siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti pembekal serta lokasi utama pasaran produk tiruan itu.

RAMPASAN BERNILAI RM1J

Proses minyak pelincir terpakai sebelum jual semula

Ampang: Menggunakan minyak pelincir terpakai sebelum diproses disyaki dengan formula sendiri termasuk penggunaan pewarna sebelum diedar kepada pasaran tempatan.

Ini modus operandi sindiket yang dikesan menjalankan aktiviti dipercayai terbabit pembekalan dan pemprosesan minyak pelincir enjin kenderaan disyaki tiruan di enam premis sekitar kawasan Ampang di sini, semalam.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN), Mohd Zuhairi Mat Radey berkata, enam premis itu dipercayai rangkaian sindiket yang sama dan aktif beroperasi sejak enam bulan lalu di kawasan berhampiran antara satu sama lain.

Menurutnya, hasil serbuan merampas pelbagai

minyak pelincir enjin pelbagai jenama dan beberapa mesin membabitkan rampasan bernilai RM1 juta sekali gus menahan 42 individu terdiri daripada 14 warga tempatan dan 28 warga asing berusia lingkungan bawah 45 tahun.

“Premis pertama berperanan sebagai lokasi membuat botol, premis kedua (mengilang atau memasukkan minyak dalam botol), premis ketiga sebagai stor penyimpanan dan premis keempat (stor yang menyimpan *end product* (produk siap).

“Bagi premis kelima, ia berperanan sebagai stor simpanan produk alat ganti kenderaan contohnya ‘spark plug’ (palam pencucuh) dan premis keenam pula sebagai pejabat pengurusan,” katanya, semalam.



MOHD Zuhairi (kanan) memeriksa minyak tiruan ketika serbuan di sekitar Ampang.

Sindiket seleweng minyak paket

SEBERANG PERAI – Tindakan penguat kuasa yang mengintip pergerakan satu sindiket selama sebulan berjaya membongkar kegiatan mereka yang menjadikan sebuah gudang haram untuk menyeleweng minyak masak paket di Sungai Jawi, Nibong Tebal di sini.

Op Tiris 3.0 pada pukul 8.30 malam kelmarin oleh sepasukan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang itu turut menahan seorang lelaki berusia lingkungan 40-an untuk

membantu siasatan.

Pengarahnya, S. Jegan berkata, pemeriksaan menemui lebih lima tan minyak masak paket 1kg, 25 unit botol kosong minyak masak berkapasiti 5kg, sejumlah plastik kosong minyak masak paket 1kg pelbagai jenama.

Katanya, turut ditemui adalah dua unit tong biru minyak 150 liter yang digunakan untuk menyimpan minyak daripada bungkus asal. Jumlah rampasan bernilai RM16,892.

"Premis itu dijadikan lokasi menjalankan aktiviti pemoto-

ngan minyak masak paket untuk mengubah bentuk asal barang kawalan tersebut bagi tujuan penjualan semula secara tidak sah atau penyimpanan tanpa kebenaran.

"Gudang haram tersebut beroperasi sejak tiga bulan lalu. Kita syak minyak itu diperolehi dari sini dan Perak, namun siasatan lanjut masih dijalankan," katanya pada sidang akhbar di Bukit Minyak di sini semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.



JEGAN (duduk, dua dari kiri) dan pegawainya menunjukkan sebahagian minyak paket dan peralatan yang digunakan sindiket dalam serbuan di sebuah premis di Seberang Perai kelmarin.

GUDANG SIMPAN LIMA TAN MINYAK MASAK DISERBU***Seleweng minyak masak paket subsidi***

Bukit Mertajam: Cubaan sindiket menyeleweng lebih lima tan minyak masak paket bersubsidi tidak berhasil apabila aktiviti itu dibongkar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang ketika mengadakan serbuan Op Tiris 3.0 di sebuah gudang di Sungai Jawi, di sini, kelmarin.

Dalam serbuan jam 8.30 malam, sejumlah 5,720 kilogram (kg) minyak masak paket satu kilogram (kg) yang dipotong dan diisi dalam tong berkapasiti 150 liter disita untuk tindakan lanjut.

Pengarah KPDN negeri, S

Jegan berkata, serbuan di gudang itu diadakan selepas pihaknya melakukan risikan selama sebulan.

“Seramai lima pegawai penguat kuasa menyerbu gudang itu sebelum pemeriksaan mendapati berlaku aktiviti penyelewengan minyak masak paket bersubsidi di situ.

“Minyak masak paket satu kilogram didapati dipotong kemudian dipindah masuk ke dalam tong biru 150 liter menggunakan peralatan khas.

“Tindakan ini dipercayai bertujuan mengubah bentuk asal barang kawalan itu bagi tujuan penjualan semula secara tidak sah atau

penyimpanan tanpa kebenaran,” katanya pada sidang media di Kompleks Stor Penyimpanan Eskibit KPDN negeri di Bukit Minyak, di sini, semalam.

Menurutnya, pihaknya turut menemui 25 botol kosong minyak masak berkapasiti 5kg dan sejumlah plastik kosong minyak masak paket satu kg pelbagai jenama yang keseluruhan sitaan termasuk minyak masak dianggarkan bernilai RM16,892.

“Seorang lelaki warga tempatan berusia 40-an yang berada di lokasi ditahan untuk membantu siasatan,” katanya.

Mengulas lanjut, Jegan

berkata, gudang itu didapati beroperasi selama tiga bulan tanpa mengemukakan sebarang dokumen lesen atau permit sah untuk memiliki dan mengurus barang kawalan berjadual.

“Kami menyiasat dari mana individu terbabit memperoleh bekalan minyak masak ini, namun tidak menolak kemungkinan diambil dari negeri ini dan Perak berdasarkan jenama pada paket minyak terbabit,” katanya memberitahu kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 kerana memiliki barang kawalan dengan niat untuk melakukan kesalahan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Diesel subsidy rationalisation reduced leakages, says Lim

By RAHIMY RAHIM
and KHOO GEK SAN
newsdesk@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The government's diesel subsidy rationalisation has proven effective in reducing fuel leakages, particularly those linked to smuggling, with sales dropping by more than 300 million litres per month since June last year.

Deputy Finance Minister Lim Hui Ying (*pic*) said statistics show that about 465 million litres of diesel were sold per month between June and December 2024, compared with around 770 million litres per month between

January and May last year.

"The drop in diesel sales indicates a reduction in subsidy leakages, partly due to a decline in smuggling," she told the Dewan Rakyat yesterday when responding to an additional question from Stampin MP Chong Chieng Jen on whether diesel sales in Peninsular Malaysia had fallen following the subsidy rationalisation implemented in June 2024.

Lim added that commercial diesel sales had increased after the rationalisation, suggesting that



subsidised diesel previously purchased for commercial use, such as for machinery or electricity generators at construction sites or factories is now being properly targeted.

Lim said the Budi Madani Diesel programme had generated savings of more than RM400mil per month, or roughly RM5bil annually.

"These savings allow the government to reallocate funds towards development projects and to strengthen the social safety net through cash assistance programmes such as Sumbangan

Tunai Rahmah (STR) and Sumbangan Asas Rahmah (Sara)," she said.

Lim said the targeted fuel subsidy under the Ekonomi Madani framework had demonstrated effectiveness in reducing leakages, optimising fiscal spending, and ensuring that benefits reach those who are truly eligible.

She also highlighted the government's Budi Madani Individu and Budi Madani Agri Commodity programmes, which provide RM200 per month, or RM2,400 a year, to owners of private diesel vehicles.

"Farmers and smallholders are subject to eligibility criteria. As of

Oct 31, 2025, a total of 320,000 private diesel vehicle owners, farmers, breeders, and smallholders have benefited, with payments amounting to RM850mil," she said.

For the land goods transport sector, Lim said that under the Budi Madani Diesel programme, 121,618 transport companies with 355,074 vehicles had been approved to use fleet cards as of Sept 30, 2025.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 NOVEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Nov	KPDN tumpaskan sindiket seleweng minyak peket di Pulau Pinang	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/kpdn-tumpaskan-sindiket-seleweng-minyak-peket-di-pulau-pinang/	UTUSAN
13-Nov	KPDN tumpaskan kegiatan seludup minyak masak subsidi di Sungai Jawi	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kpdn-tumpaskan-kegiatan-seludup-minyak-masak-subsidi-di-sungai-jawi	RTM
13-Nov	KPDN bongkar gudang simpan minyak masak bersubsidi di Sungai Jawi	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1286713/kpdn-bongkar-gudang-simpan-minyak-masak-bersubsidi-di-sungai-jawi?	HARIAN METRO
13-Nov	Gudang haram jadi port seleweng minyak masak peket	https://www.kosmo.com.my/2025/11/12/gudang-haram-jadi-port-seleweng-minyak-	KOSMO
13-Nov	Cubaan seleweng lebih lima tan minyak masak bersubsidi tumpas	https://www.tvsarawak.my/2025/11/12/cubaan-seleweng-lebih-lima-tan-minyak-masak-bersubsidi-	TVS
13-Nov	KPDN bongkar aktiviti seleweng minyak masak di gudang Sungai Jawi	https://www.sinarharian.com.my/article/756335/berita/semasa/kpdn-bongkar-aktiviti-seleweng-minyak-masak-di-gudang-sungai-	SINAR HARIAN
13-Nov	Guna jenama terkenal, sindiket campur minyak enjin terpakai dengan pewarna	https://www.kosmo.com.my/2025/11/12/guna-jenama-terkenal-sindiket-campur-minyak-enjin-terpakai-dengan-pewarna/	KOSMO
13-Nov	Tambang bot penampung Menumbok-Labuan kembali pada harga asal	https://www.nabalunews.com/post/tambang-bot-penampung-menumbok-labuan-kembali-pada-harga-asal	NABALU NEWS

13-Nov	Labuan speedboat fares re-stored to original RM9	https://www.dailyexpress.com.my/news/270275/labuan-speedboat-fares-restored-to-original-rm9/	DAILY EXPRESS
13-Nov	Awat, minyak pelincir tiruan!	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1286778/awat-minyak-pelincir-tiruan	HARIAN METRO
13-Nov	Kilang minyak pelincir tiruan diserbu, rampasan cecah RM1 juta	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kilang-minyak-pelincir-tiruan-diserbu,-rampasan-cecah-rm1-juta	RTM
13-Nov	Sindiket minyak pelincir tiruan tumpas, 42 ditahan	https://mediaselangor.com/ms/2025/11/330096	MEDIA SELANGOR
13-Nov	KPDN serbu 6 premis proses minyak pelincir tiruan di Ampang, 42 ditahan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-6-premis-proses-minyak-pelincir-tiruan-di-ampang-42-ditahan-547249	ASTRO AWANI
13-Nov	Sindiket minyak pelincir enjin kitar semula tumpas	https://www.buletintv3.my/nasional/sindiket-minyak-pelincir-enjin-kitar-semula-tumpas/	TV3
13-Nov	Sindiket minyak enjin kenderaan tiruan, nilai rampasan cecah RM1 juta	https://malaysiaga-zette.com/2025/11/12/sindiket-minyak-enjin-kenderaan-tiruan-nilai-rampasan-cecah-rm1-juta/	MALAYSIA GAZETTE
13-Nov	KPDN seizes RM1mil in counterfeit engine oil, 42 arrested in Selangor	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/11/1313526/kpdn-seizes-rm1mil-counterfeit-engine-oil-42-arrested-selangor	NST
13-Nov	KPDN bongkar sindiket seleweng minyak masak paket 1 kilogram dijual semula	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-bongkar-sindiket-seleweng-minyak-masak-paket-1-kilogram-dijual-semula/	TV3
13-Nov	KPDN tumpaskan sindiket seleweng minyak peket di Pulau Pinang	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/kpdn-tumpaskan-sindiket-seleweng-minyak-peketa-di-pulau-pinang/	UTUSAN